

Wanita UMNO pinta tambah kerusi

KUALA LUMPUR, Sabtu — Pergerakan Wanita UMNO Malaysia menggesa pucuk pimpinan parti memberi sekurang-kurangnya satu kerusi Dewan Undangan Negeri, di setiap negeri, dan dua lagi kerusi Dewan Rakyat, kepada pergerakan itu dalam pilihanraya umum akan datang.

Ketua Pergerakan itu, Datin Paduka Aishah Ghani berkata, perkara ini adalah perlu bagi mempertingkatkan inspirasi perjuangan wanita UMNO sendiri.

“Penambahan atau pemberian kerusi itu merupakan satu penghormatan besar kepada perjuangan wanita di samping memberi gambaran bahawa pucuk pimpinan memang menghargai perjuangan wanita UMNO,” tegas beliau.

Pergerakan Wanita UMNO kini mempunyai 11 kerusi Dewan Undangan Negeri dan Enam kerusi Dewan Rakyat.

Sebelas kerusi Dewan Undangan Negeri itu ialah dua di Selangor, Perak, Negeri Sembilan, Pahang dan Johor manakala di Melaka satu sahaja.

Enam Ahli Dewan Rakyat itu ialah dua di Selangor manakala negeri-negeri Johor, Perak, Kedah dan Kelantan adalah satu di setiap negeri.

Menurut Datin Paduka Aishah, jika negeri yang mempunyai ADUN wanita itu ditambah satu kerusi dan yang tiada diberi satu kerusi, ia sudah tentu dapat menonjolkan tokoh-tokoh tempatan wanita memberi sumbangan kepada masyarakat.

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia